

10 JAN 2001

Ling-Kabinet/I

TERPULANG KEPADA PERDANA MENTERI MEROMBAK KABINET, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Kabinet, yang mengadakan mesyuarat mingguannya hari ini, tidak membincangkan mengenai sebarang rombakan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak memberikan sebarang petunjuk pada mesyuarat itu mengenai hasratnya untuk merombak Kabinet.

"Tidak seorang pun daripada kami yang dimaklumkan mengenainya...tiada komen lagi," kata Dr Ling, yang juga Presiden MCA, kepada pemberita di pejabatnya di sini selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di Putrajaya.

Dr Mahathir, yang sekembalinya dari lawatan lima hari ke Myanmar semalam, mengesahkan bahawa rombakan Kabinet akan diadakan dan beliau memerlukan masa untuk mengkaji perkara itu serta berharap dapat mengumumkannya secepat mungkin.

Dr Ling berseloroh bahawa tidak seorang pun yang berani bertanya kepada Dr Mahathir mengenai perkara itu kerana mereka mungkin akan mendapat kejutan.

"Kami tidak mahu bertanya kepada beliau, kerana beliau mungkin mengejutkan kami...beliau boleh kata `anda' (gugur)," kata Dr Ling.

Ditanya sama ada beliau telah dirujuk mengenai rombakan itu atas kapasitinya sebagai pemimpin parti komponen Barisan Nasional sebelum satu pengumuman rasmi dibuat, Dr Ling berkata: "Tiada komen".

Dr Ling berkata Perdana Menteri mempunyai prerogatif untuk merombak Kabinet dan terpulang kepada beliau untuk memutuskannya.

"Kami berada di sini kerana Perdana Menteri, ia adalah prerogatif Perdana Menteri. Apa pun yang Perdana Menteri pilih untuk kami lakukan, kami akan berkata terima kasih banyak-banyak," katanya.

Dr Ling juga berkata Kabinet menyatakan penghargaan kepada Datuk Seri Panglima Dr Abdul Hamid Othman yang telah mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Islam), satu jawatan yang disandangnya selama 10 tahun.

"Kami percaya dengan meninggalkan Kabinet, ia tidak bermakna beliau akan berhenti berkhidmat untuk negara dan kami percaya beliau akan terus memberi khidmat..." katanya.

Dr Abdul Hamid mengumumkan peletakan jawatannya pada 5 Jan lepas selepas beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri pada 3 Jan lepas.

--BERNAMA

AT ZS NAK